

03 APR 1997

Mahathir-Kuwait

TINGKATKAN HUBUNGAN DAGANGAN ANTARA MALAYSIA-KUWAIT

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Lawatan tiga hari Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kuwait mulai Sabtu ini dijangka akan memberikan tumpuan kepada menggalakkan hubungan dagangan antara Malaysia dan Kuwait.

Duta Kuwait ke Malaysia Dr Salim Jabir Al-Sabah berkata hari ini hubungan dua hala telah terjalin sekian lama tetapi tidak dalam sektor perniagaan.

Dengan memberi contoh, beliau berkata sebuah syarikat pelaburan Malaysia-Kuwait yang telah ditubuhkan dalam tahun 1980, hanya aktif sejak dua tahun yang lalu dengan pelaburan dalam sektor perladangan dan hartanah di Pulau Pinang dan Perak.

"Kuwait terbuka kepada pasaran bebas... dan dengan pasaran yang luas di Kuwait dan negara-negara Teluk, ahli perniagaan Malaysia seharusnya membuat lebih banyak lawatan dan mengambil kesempatan perniagaan melalui usaha sama dengan ahli perniagaan tempatan," kata beliau dalam satu temubual bersempena dengan lawatannya.

Beliau berkata Kuwait adalah tempat yang sesuai bagi ahli perniagaan Malaysia untuk melabur kerana ia adalah pintu masuk ke negara-negara Teluk lain.

Kuwait mengimport bahan mentah dan mengeksport semula dalam bentuk bahan diproses ke pasaran luar seperti negara-negara Teluk dan Eropah," kata beliau.

Beliau berkata kerajaan Kuwait menggalakkan penubuhan industri kecil dan sederhana bagi pengeluaran perabot, yang mana ia mempunyai pasaran di negara-negara Teluk.

"Kami berminat industri kecil dan sederhana kerana ia dapat mengawal kebanjiran pekerja-pekerja asing yang sekarang melebihi satu juta di negara itu," kata beliau.

Dr Al-Sabah, berkata satu lagi kerjasama antara kedua-dua kerajaan adalah melalui anak syarikat pelaburan kerajaan, Khazanah Holdings dan Lembaga Pelaburan Kuwait (KIA) secara usaha sama melabur di negara ketiga.

"Jika Khazanah Holdings dan KIA boleh bekerjasama, ia bermakna satu pelaburan besar," kata beliau sambil menambah kata perkara itu akan dirundingkan dengan Dr Mahathir semasa lawatannya nanti.

Dr Al-Sabah juga mencadangkan kerjasama dalam carigali minyak dan pelaburan barangan berkaitan minyak antara Petronas dan Kuwait Oil Company di kawasan-kawasan baru seperti Vietnam dan China.

"Kita perlu bergabung untuk bersaing dengan syarikat-syarikat minyak antarabangsa yang lebih besar," kata beliau sambil menambah kata Kuwait sanggup berkongsi pengalaman dengan Malaysia.

Beliau berkata Kuwait National Oil Company mempunyai 5,000 stesen minyak di Eropah dan 88 stesen minyak di Thailand.

Begitu juga dengan ahli perniagaan Kuwait boleh melabur di Malaysia dalam bidang-bidang tertentu, termasuk hartanah dan pembinaan.

"Malaysia boleh dibanggakan dan terdapat keharmonian di negara ini, dan ini adalah satu sebab pembangunan terus berlaku. Terdapat banyak projek dan kami berasa perlu menyertainya," kata beliau sambil menambah kata ahli perniagaan Kuwait boleh memainkan peranan bagi membiayai projek-projek di Malaysia.

Beliau berkata lawatan Dr Mahathir boleh meintis jalan untuk mempertingkatkan hubungan dengan Kuwait yang sedang menjalani pembangunan semula selepas penaklukan oleh Iraq dalam tahun 1990.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan Kuwait dalam 1995 berjumlah RM342.738 juta million. Dagangan bagi tempoh Januari hingga November tahun lepas berjumlah RM250.510 juta.

Eksport Kuwait ke Malaysia dalam tahun 1995 berjumlah RM171.416 juta dan import RM171.322 juta. Bagi tempoh Jan hingga Nov tahun lepas eksport Kuwait ke Malaysia berjumlah RM92.241 juta dan import RM158.269 juta.

Beliau berkata Kuwait sedang menuju kepada pemulihan ekonomi sepenuhnya dan para pelabur tidak perlu bimbang berkaitan kestabilan di negara itu.

--BERNAMA

ARA RI